

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)31

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

31. Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk memperkembangkan kepelbagaian ekonomi di Pulau Pinang untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sektor tertentu?
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri menjelaskan bagaimana model kerjasama awam-swasta dapat diterapkan untuk mempercepatkan projek pelaburan dan pembangunan di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah hasil atau pencapaian misi lawatan InvestPenang (IP) ke Amerika Syarikat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

31. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha untuk memperkembangkan kepelbagaian ekonomi sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sektor-sektor tertentu. Di samping terus memberi perhatian kepada sektor perkilangan dan pembuatan, Kerajaan Negeri juga komited dalam menerajui industri ekonomi digital sebagai pemacu utama untuk masa depan ekonomi negeri ini.

Pendekatan ini adalah selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab pelaburan teknologi digital strategik. Sasaran utama adalah agar sektor ekonomi digital dapat menyumbang 25.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2025, serta mewujudkan lebih 500,000 peluang pekerjaan dan menarik pelaburan sebanyak RM130 bilion.

Sektor-sektor utama yang menjadi tumpuan termasuklah perkhidmatan perkongsian dan sumber luaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta industri teknologi generasi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), *big data*, *Internet of Things* (IoT), reka bentuk litar bersepadu (Integrated Circuit), teknologi pertanian dan makanan (Agro /Food Tech), pusat data dan lain-lain. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mencapai keseimbangan yang lebih mampan antara sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan tujuan untuk memastikan ekonomi Pulau Pinang terus berkembang secara holistik dan mengurangkan kebergantungan kepada satu sektor sahaja.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui agensi-agensinya seperti InvestPenang dan Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) terus berusaha untuk mempercepatkan projek-

projek pelaburan dengan membina kerjasama yang erat bersama sektor swasta. Fokus utama adalah untuk merencanakan sektor pengilangan, ekonomi digital, dan pembangunan lain di Pulau Pinang. Beberapa pendekatan yang diambil dalam model kerjasama ini termasuk:

(i) Penglibatan Pihak Berkepentingan

Sebelum melaksanakan sebarang program atau projek, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dengan melibatkan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan nasihat daripada sektor swasta. Pendekatan ini memastikan setiap projek yang dijalankan memenuhi kepentingan semua pihak yang terlibat;

(ii) Kajian Kebolehlaksanaan

Kajian kebolehlaksanaan dijalankan untuk mengenal pasti pihak swasta yang berpotensi atau mempunyai kepentingan dalam projek yang dirancang. Langkah ini memudahkan kerjasama yang lebih terarah dan memastikan sumber yang ada dimanfaatkan dengan sebaik mungkin;

(iii) Menarik Pelaburan melalui Pelan Induk Pembangunan Strategik

George Town Conservation and Development Corporation Sdn Bhd (GT CDC) kini sedang merangka Pelan Induk Pembangunan *Penang Bay*. Pelan ini bertujuan untuk menarik pelaburan di kawasan persisiran pantai di Pulau Pinang dan Seberang Perai, dengan harapan dapat merencanakan pembangunan ekonomi setempat;

(iv) Pembangunan Taman Perindustrian Swasta

InvestPenang bekerjasama dengan beberapa taman perindustrian swasta, seperti Penang Technology Park @ Bertam dan Northern Techvalley @ BKE, untuk menawarkan lebih banyak pilihan tapak industri yang sesuai bagi pelabur yang memerlukan ruang yang luas dan boleh digunakan dengan segera;

(v) Pencarian Kilang Sedia Ada

InvestPenang berkolaborasi dengan ejen hartanah swasta untuk menyediakan senarai kilang sedia ada dan tanah kosong berdasarkan permintaan pelabur. Ini mempercepatkan proses pencarian dan memberi lebih banyak pilihan kepada pelabur;

(vi) Pembangunan Penang Science Park South (PSPS)

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang merancang untuk bekerjasama dengan sektor swasta bagi membangunkan PSPS, di mana PDC menyediakan infrastruktur taman dan syarikat swasta menguruskan pembinaan tanah di plot masing-masing. Pendekatan ini diharap dapat mempercepatkan masa penyiapan taman perindustrian tersebut;

(vii) Pembangunan Bangunan Pejabat bagi Pelaburan Ekonomi Digital

InvestPenang bekerjasama dengan pemaju swasta untuk menyediakan bangunan pejabat yang khusus bagi memenuhi keperluan pelabur. Antara contoh projek kerjasama swasta yang mendapat sokongan InvestPenang bagi pembinaan bangunan bertaraf *Malaysia Digital Cybercentre* ialah Pelaburan Hartanah Berhad (One Precinct), HIG Livingston Properties Sdn. Bhd (Livingston Tower), *Wawasan Education Foundation* (Albukhary Building);

(viii) Memacu Pertumbuhan Sektor GBS

Penubuhan *Global Business Services Focus Group* (GFG) *Penang Chapter* melibatkan kerjasama strategik antara InvestPenang dan pemimpin industri utama seperti Ams OSRAM, Citigroup, Clarivate, Infineon, Intel, Motorola Solutions, UST Malaysia, dan Wilmar. GFG bertindak sebagai platform untuk merancang, membangunkan, dan mempromosikan sektor Global Business Services (GBS) di Pulau Pinang;

(ix) Memperkasa Bakat Digital

InvestPenang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuhkan bakat digital melalui kerjasama antara sektor swasta, agensi kerajaan dan institusi akademik.

Beberapa inisiatif penting termasuk:

- 1) ***Penang GBS Industry Academy (PGIA) 1.0*** yang melibatkan latihan semula (upskilling & reskilling) untuk industri GBS;
- 2) ***Penang Gen AI-Ready Talent (PGIA 2.0)*** yang menyediakan kursus untuk bakat tempatan dalam bidang kecerdasan buatan (AI); dan
- 3) ***Penang Chip Design Academy (PCDA)*** di bawah inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* yang menawarkan latihan khusus dalam reka bentuk cip dan kejuruteraan digital untuk menyokong industri semikonduktor. Akademi ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2025.

(x) Memacu Pertumbuhan Sektor IC

Untuk memastikan kelancaran inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*, sebuah Jawatankuasa Majlis Eksekutif dan Panel Penasihat telah ditubuhkan, yang melibatkan wakil daripada kerajaan, industri, dan akademik untuk memantau hala tuju inisiatif ini serta membuat cadangan kepada Majlis Eksekutif.

(b) Hasil daripada lawatan tersebut, beberapa pencapaian penting telah dicapai, antaranya:

(i) Pengukuhan Hubungan dengan Pelabur Amerika Syarikat

Lawatan tersebut telah mempererat hubungan dengan ibu pejabat korporat pelabur Amerika Syarikat yang telah memilih Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan. Lawatan ini juga menyediakan peluang untuk membincangkan perkembangan terkini di negeri ini khususnya perkara berkaitan dengan projek-projek infrastruktur utama seperti projek LRT, pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang, Pulau Silikon serta

inisiatif baru seperti *Penang Silicon Design @ 5km+* dan *Penang STEM Talent Blueprint*, yang turut dikongsi bagi memperkukuhkan keyakinan dan minat para pelabur di negeri ini;

(ii) Pulau Pinang sebagai Lokasi Pelaburan Strategik

Lawatan ini turut memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelaburan dalam sektor E&E, semikonduktor, perubatan, *Global Business Services* dan ekonomi digital. Perbincangan dengan syarikat-syarikat berpotensi juga telah meningkatkan keyakinan para pelabur sekali gus mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang dalam proses pemilihan lokasi pelaburan utama mereka;

(iii) Mendalami Keperluan dan Cabaran Pelabur

Lawatan ini turut memberi peluang untuk mendalami dan memperoleh maklumat terkini mengenai hala tuju, keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Amerika Syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang. Maklumat ini menjadi asas penting dalam

merangka langkah-langkah sokongan yang lebih bersepadu dan strategik untuk menangani isu-isu yang timbul berkaitan dengan pengurusan operasi di negeri ini;

(iv) Perbincangan Mengenai Keupayaan Tenaga Kerja dan Ekosistem Teknologi

Lawatan ini juga membuka peluang untuk menonjolkan keupayaan tenaga kerja Pulau Pinang dalam menyokong pengembangan ekosistem teknologi tempatan. Selain itu, perbincangan turut melibatkan isu-isu berkaitan tenaga boleh baharu serta arah strategik Pulau Pinang dalam memperkukuh prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus yang lebih baik; dan

(v) Eksplorasi Teknologi AI dan Inovasi Terkini

Lawatan ini turut menyediakan peluang untuk meninjau teknologi kecerdasan buatan (AI) dan inovasi terkini serta mengadakan perbincangan dengan pelabur mengenai aplikasi praktikal AI dalam sektor-sektor kritikal di negeri ini. Langkah ini turut memperkukuh

peranan strategik Pulau Pinang dalam transformasi AI dan menyokong perkembangan bakat tempatan yang relevan dalam sektor ini.